

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)**www.gaexcellence.com/ijmoe**AMALAN PENGURUSAN KEBERSIHAN HAID DALAM
KALANGAN MURID PEREMPUAN TAHAP DUA DI
SEKOLAH KEBANGSAAN BESTARI JAYA***MENSTRUAL HYGIENE MANAGEMENT PRACTICES AMONG UPPER
PRIMARY FEMALE PUPILS AT SEKOLAH KEBANGSAAN BESTARI JAYA*

Nurul Amiera Izzani Abdul Rahman^{1*}, Hidayatul Sakinah Mohd Zulkifli², Nurul Husna Roslan³

¹Faculty of Education & Social Sciences, Universiti Selangor (UNISEL), Malaysia

 4233002851@student.unisel.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0002-0779-3675>

²Faculty of Education & Social Sciences, Universiti Selangor (UNISEL), Malaysia

 hidayatul@unisel.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0004-7836-8355>

³Faculty of Education & Social Sciences, Universiti Selangor (UNISEL), Malaysia

 nurulhusna@unisel.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0004-7762-8274>

*Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 15.07.2026

Revised date: 27.07.2026

Accepted date: 18.08.2026

Published date: 20.09.2026

To cite this document:

Rahman, N. A. I. A., Zulkifli, H. S. M., & Roslan, N. H. (2026). Amalan Pengurusan Kebersihan Haid Dalam Kalangan Murid Perempuan Tahap Dua Di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya. *International Journal of Modern Education*, 8(31), 821-846.

Abstrak:

Pengurusan kebersihan haid merupakan satu amalan yang penting dalam memastikan kesihatan dan kesejahteraan murid perempuan khususnya dalam kalangan murid sekolah rendah. Walau bagaimanapun, kajian mengenai pengurusan kebersihan haid terhadap murid perempuan tahap dua di sekolah rendah masih kurang diberikan perhatian terutamanya berkaitan tahap pengetahuan, pendedahan pendidikan di sekolah dan kemudahan yang sistematik dalam pengurusan kebersihan haid. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan murid perempuan tahap dua di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya terhadap amalan pengurusan kebersihan haid, cabaran yang dihadapi dan keperluan sokongan dalam melaksanakan amalan tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur terhadap lima informan yang dipilih secara persampelan bertujuan. Informan kajian terdiri daripada tiga orang murid perempuan beragama Islam serta dua individu berkepentingan iaitu seorang guru dan seorang doktor perubatan yang berpengalaman dalam pengurusan kebersihan haid. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan murid perempuan tahap dua di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya terhadap

pengurusan kebersihan haid berada di tahap sederhana. Murid juga menghadapi beberapa cabaran dalam pengurusan kebersihan haid, antaranya seperti kekangan kemudahan, pengetahuan sedia ada dan sokongan persekitaran. Dapatan daripada guru dan doktor perubatan menunjukkan bahawa sokongan terhadap murid masih belum dilaksanakan secara sistematik. Menurutnya, murid memerlukan pendekatan dari segi pengetahuan dan kemudahan bagi memperkukuhkan amalan pengurusan kebersihan haid yang berkesan. Oleh itu, terdapat keperluan untuk memperkukuhkan pendidikan dan sokongan berkaitan pengurusan kebersihan haid dalam kalangan murid serta pihak berkaitan bagi memastikan amalan ini dapat dilaksanakan secara berkesan.

DOI: 10.35631/IJMOE.831048

Kata Kunci:

Amalan Pengurusan, Kebersihan Haid, Sekolah Rendah

Abstract:

Menstrual hygiene management is an essential practice in ensuring the health and well-being of female pupils, particularly those in primary schools. However, studies on menstrual hygiene management among upper primary female pupils remain limited, especially regarding their level of knowledge, educational exposure in schools, and the availability of systematic facilities to support menstrual hygiene management. Therefore, this study aimed to identify the level of knowledge of upper primary female pupils at Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya regarding menstrual hygiene management practices, the challenges they encounter, and the support they require in implementing these practices. This study employed a qualitative approach through semi-structured interviews involving five purposively selected informants. The informants consisted of three Muslim female pupils and two key stakeholders, namely a teacher and a medical doctor with experience in menstrual hygiene management. The findings revealed that the level of knowledge of upper primary female pupils at Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya regarding menstrual hygiene management was moderate. The pupils also encountered several challenges in managing menstrual hygiene, including inadequate facilities, limited existing knowledge, and insufficient environmental support. Findings from the teacher and the medical doctor indicated that support for pupils has yet to be implemented systematically. According to the informants, pupils require greater educational support and improved facilities to strengthen effective menstrual hygiene management practices. Therefore, there is a need to enhance education and support related to menstrual hygiene management among pupils and relevant stakeholders to ensure that these practices can be implemented effectively.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijmoe@gaexcelence.com

Keyword:

Menstrual Hygiene Management Practices, Menstrual Hygiene Management, Primary School.

Pengenalan

Pengurusan kebersihan haid atau *menstrual hygiene management (MHM)* merupakan aspek penting dalam penjagaan kesihatan diri bagi semua golongan wanita, khususnya bagi kanak-kanak perempuan yang berada di peringkat awal akil baligh. Amalan pengurusan kebersihan haid yang tidak betul boleh meningkatkan risiko jangkitan dan memberi kesan negatif terhadap kesihatan (Nabwera et al., 2021). Sehubungan itu, amalan pengurusan kebersihan haid merupakan aspek yang sangat penting untuk diberikan perhatian, selaras dengan tuntutan agama Islam yang menekankan kepentingan pendidikan dan amalan yang betul dalam pengurusan haid (Ahmad et al., 2023).

Walaupun pengurusan kebersihan haid merupakan perkara yang penting untuk kesihatan dan kesejahteraan wanita, namun pelaksanaannya masih kurang diberi perhatian. Antara faktor utama yang mempengaruhi amalan ini ialah kekurangan pendidikan berkaitan haid di peringkat sekolah. Selain itu, kepercayaan budaya dan pelbagai pantang larang dalam masyarakat juga turut mempengaruhi keadaan ini. Dalam sesetengah masyarakat, haid masih dianggap sebagai isu yang sensitif dan kurang sesuai untuk dibincangkan secara terbuka (Stoilova et al., 2022). Selain itu, dalam konteks pendidikan di Malaysia, pengetahuan berkaitan haid lazimnya diperkenalkan melalui subjek Pendidikan Kesihatan, Sains dan Pendidikan Islam. Namun begitu, penyampaian maklumat kebiasaannya tertumpu kepada aspek biologi semata-mata dan kurang memberi penekanan terhadap amalan pengurusan kebersihan haid secara menyeluruh yang melibatkan aspek kesihatan dan syarak. Pendekatan pengajaran yang tidak menyeluruh boleh menyebabkan murid perempuan kurang bersedia menghadapi pengalaman haid pertama dalam aspek kebersihan diri dan pengurusan harian (Kasim et al., 2024).

Kajian dari luar negara menunjukkan bahawa isu kesihatan haid dan kebersihan diri merupakan sesuatu yang sering tidak diendahkan serta kurang diberikan perhatian. Sehubungan dengan itu, terdapat keperluan yang mendesak untuk memperkasakan pendidikan berkaitan amalan pengurusan kebersihan haid agar wanita lebih bersedia menguruskan haid mengikut panduan kesihatan dan syarak. Perbandingan menunjukkan bahawa peratusan sekolah menengah yang memberikan pendidikan kesihatan haid di Asia Tengah dan Selatan adalah lebih tinggi, iaitu sebanyak 84%, berbanding sekolah rendah yang hanya mencatatkan 34% (UNICEF, 2024). Keadaan ini menimbulkan persoalan tentang tahap sebenar amalan pengurusan kebersihan haid yang diamalkan oleh murid perempuan yang menjadi isu utama kajian ini.

Pernyataan Masalah

Amalan pengurusan kebersihan semasa haid adalah perkara yang melibatkan penjagaan kebersihan tubuh badan sebelum, semasa dan selepas haid mengikut tuntutan kesihatan moden dan syarak. Sekiranya tahap pengetahuan dan amalan berkaitan pengurusan kebersihan haid tidak didedahkan dengan baik, keadaan ini boleh memberi kesan jangka masa panjang. Hal ini kerana individu yang kurang pengetahuan berkemungkinan akan terus menyebarkan maklumat yang tidak tepat dan stigma yang salah berkaitan haid kepada anak-anak perempuan pada masa hadapan (Tshomo et al., 2021). Kajian oleh Ahmad et al. (2023) pula menekankan bahawa kefahaman tentang kebersihan haid yang betul dapat mengurangkan risiko kesihatan reproduktif dalam kalangan wanita. Menurut kajian Hakim et al. (2025), tahap pengetahuan murid sekolah berkaitan kebersihan haid berada pada tahap yang rendah, sehingga menyebabkan murid tidak dapat melaksanakan MHM dengan baik. Sehubungan dengan itu,

pendidikan mengenai kebersihan haid perlu diberikan perhatian supaya murid perempuan dapat mengamalkan MHM dengan betul dan bersih semasa haid.

Selain itu, kemiskinan haid di Malaysia juga turut menjadi isu hangat yang diperkatakan oleh media massa. Istilah kemiskinan haid diterjemahkan daripada terma *period poverty*, yang merujuk kepada keadaan di mana seseorang menghadapi kekangan dalam menguruskan haid. Kekangan ini melibatkan aspek kewangan, kekurangan pengetahuan dan ketidakmampuan untuk mendapatkan peralatan kebersihan haid yang mencukupi (Latifah et al., 2024). Ketiadaan akses kepada produk haid yang bersih dan selamat menyebabkan ramai wanita mengalami kesukaran dalam menjaga kebersihan diri semasa haid. Laporan dari Berita Harian (2022), seramai 68.1% murid wanita di sebuah kolej dikenal pasti mengalami kemiskinan haid. Menurut Shafry Salim (2023) pula, faktor ekonomi menjadi cabaran utama apabila wanita terpaksa membuat pilihan antara memenuhi keperluan asas seperti makanan atau membeli produk kebersihan haid. Situasi ini membuktikan bahawa isu pengurusan kebersihan haid bukan sahaja memberi kesan terhadap kesihatan wanita, malah turut menjejaskan kesejahteraan hidup dan hak mereka untuk menjalani kehidupan yang selesa dan bermaruah.

Kajian terdahulu tertumpu kepada kajian yang membincangkan tentang kebersihan haid dan kesedaran dalam kalangan wanita di sekolah menengah dan universiti. Namun kajian yang memfokuskan secara khusus terhadap amalan pengurusan kebersihan haid dalam kalangan murid sekolah rendah masih terhad. Menurut kajian oleh Hakim et al. (2025), sebanyak 90% responden menyatakan bahawa mereka memerlukan lebih banyak maklumat berkenaan haid dan amalan kebersihan haid kerana sebahagian besar maklumat berkaitan haid dan kebersihan haid diperolehi daripada ahli keluarga khususnya ibu, yang menjadi pembimbing utama kepada mereka.

Oleh itu, kajian yang lebih mendalam perlu dijalankan bagi memahami tahap pengetahuan serta cabaran yang dihadapi oleh murid dalam mengamalkan pengurusan kebersihan haid. Kajian ini juga penting untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi amalan tersebut dalam kalangan murid perempuan, sekali gus menjadikan bidang ini signifikan untuk diterokai bagi meningkatkan tahap pengetahuan dan kesedaran mereka.

Objektif Kajian

1. Mengetahui tahap pengetahuan murid perempuan tahap dua di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya terhadap amalan pengurusan kebersihan haid.
2. Mengetahui cabaran yang dihadapi oleh murid perempuan tahap dua di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya dalam mengamalkan pengurusan kebersihan haid.
3. Menganalisis bentuk sokongan yang diperlukan oleh murid perempuan tahap dua di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya bagi memperkukuh amalan pengurusan kebersihan haid.

Persoalan Kajian

1. Sejauh manakah tahap pengetahuan murid perempuan tahap dua di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya terhadap amalan pengurusan kebersihan haid?
2. Bagaimanakah cabaran yang dihadapi oleh murid perempuan tahap dua di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya dalam mengamalkan pengurusan kebersihan haid?

3. Apakah bentuk sokongan yang diperlukan oleh murid perempuan tahap dua di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya bagi memperkukuh amalan pengurusan kebersihan haid?

Sorotan Literatur

Bab ini membincangkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan amalan pengurusan kebersihan haid dalam kalangan murid perempuan. Perbincangan tertumpu kepada beberapa aspek iaitu tahap pengetahuan, cabaran yang dihadapi serta bentuk sokongan yang berkaitan dengan pengurusan kebersihan haid. Sorotan kajian ini penting bagi memberikan gambaran tentang dapatan kajian terdahulu serta membantu mengenal pasti jurang kajian yang masih wujud dalam bidang ini.

Tahap Pengetahuan Amalan Pengurusan Kebersihan Haid

Beberapa kajian lampau telah dijalankan oleh Ahmed et al. (2025) bertujuan untuk menilai tahap pengetahuan dan amalan pengurusan kebersihan haid (MHM) dalam kalangan murid perempuan remaja di kawasan luar bandar Bangladesh yang terjejas banjir, serta mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap pengetahuan dan amalan tersebut. Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu rentas-seksyen (*cross-sectional*) yang dijalankan antara 25 Mei hingga 1 Jun 2023 di utara Bangladesh. Seramai 448 murid perempuan remaja di kawasan terjejas banjir telah di uji, dan data dikumpul menggunakan soal selidik deskriptif yang dijawab sendiri (*self-administered questionnaire*). Hasil Kajian mendapati bahawa lebih separuh (69%) murid perempuan mempunyai tahap pengetahuan yang baik mengenai kebersihan haid. Faktor yang dikaitkan secara signifikan dengan pengetahuan yang baik termasuk umur murid antara 17 hingga 19 tahun dan status sosioekonomi keluarga kelas pertengahan. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun sebahagian besar murid mempunyai pengetahuan yang baik tentang MHM, namun faktor demografi dan sosioekonomi masih memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tahap pengetahuan mereka. Walau bagaimanapun, kajian oleh Ahmed et al. (2025) memberi tumpuan kepada remaja perempuan sekolah menengah di kawasan luar bandar Bangladesh yang terjejas akibat banjir dengan menggunakan reka bentuk kajian keratan rentas berbentuk kuantitatif. Sebaliknya, kajian ini memfokuskan kepada murid perempuan tahap dua di sekolah kebangsaan di Malaysia serta menggunakan pendekatan kualitatif bagi meneroka tahap pengetahuan mereka secara lebih mendalam.

Seterusnya, kajian dari Khanal et al, (2023) ini bertujuan untuk menilai tahap pengetahuan murid sekolah menengah perempuan tentang pengurusan kebersihan haid (MHM), mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi tahap pengetahuan tersebut, serta menilai keberkesanan pendidikan kesihatan dalam meningkatkan pengetahuan pelajar. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif di sekolah menengah antara Ogos 2021 hingga April 2022. Responden adalah seramai 400 murid perempuan sebagai peserta. Murid dipilih menggunakan kaedah rawak sistematik, dan pengetahuan mereka diukur melalui ujian sebelum (*pretest*) dan selepas (*posttest*) pendidikan kesihatan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sebelum pendidikan kesihatan, lebih separuh murid (57.7%) mempunyai tahap pengetahuan MHM yang tidak memuaskan, dengan faktor seperti jenis sekolah, bilangan rakan perempuan yang rapat, status etnik, dan jenis keluarga mempengaruhi tahap pengetahuan. Selepas pendidikan kesihatan diberikan, tahap pengetahuan meningkat dengan ketara daripada 42.3% kepada 92.5%, menunjukkan bahawa pendidikan kesihatan berkesan dalam membantu murid memahami pengurusan haid dengan lebih baik. Namun, kajian oleh Khanal et al. (2023) lebih

memfokuskan kepada murid sekolah menengah, sedangkan kajian ini berbeza dari segi populasi sasaran kerana memfokuskan kepada murid sekolah rendah

Selain itu, kajian Ahmad et al. (2022) bertujuan untuk mengenal pasti amalan pengurusan kebersihan semasa haid menurut Islam. Kajian ini menggunakan bentuk kualitatif dengan kaedah analisis dokumen terhadap sumber fiqh dan penulisan berkaitan kebersihan haid. Dapatan menunjukkan bahawa penjagaan kebersihan diri semasa haid adalah dituntut oleh syarak, meliputi kebersihan pakaian, tubuh badan dan alat sulit. Kajian ini juga mendapati, tahap kesedaran wanita masih perlu dipertingkatkan bagi mengelakkan kekeliruan dalam amalan kebersihan haid. Kajian menekankan kepentingan pendidikan, kempen kesedaran, dan penyediaan fasiliti yang sesuai untuk pengurusan kebersihan. Namun begitu, kajian ini tidak meneliti secara mendalam aspek pengiraan darah wanita serta pengalaman wanita dari pelbagai latar belakang sosioekonomi. Walaupun kajian oleh Ahmad et al. (2022) membincangkan pengurusan kebersihan haid dari perspektif Islam melalui analisis dokumen, kajian tersebut tidak melibatkan data yang dikumpul secara langsung daripada murid sekolah rendah. Sebaliknya, kajian ini secara langsung meneliti tahap pengetahuan dan amalan murid perempuan tahap dua dalam konteks persekitaran sekolah di Malaysia.

Cabaran Pengurusan Kebersihan Haid

Kajian yang dilakukan oleh Nurunnahar et al. (2025) mengkaji pengalaman dan cabaran yang dihadapi oleh atlet perempuan remaja di Bangladesh dalam menghadapi kedatangan haid serta mengenalpasti amalan pengurusan kebersihan haid dan cabaran dalam psikologi, fizikal dan sosio budaya. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan fenomenologi yang melibatkan seramai 32 atlet remaja perempuan dan bersama juru latih yang terlibat melalui temubual. Hal yang demikian, dapatan kajian menunjukkan bahawa atlet remaja perempuan menghadapi pelbagai cabaran dalam pengurusan kebersihan haid, terutama dalam aspek fizikal, psikologi dan sosiobudaya. Cabaran fizikal melibatkan kesukaran untuk meneruskan latihan suka apabila haid. Cabaran dari aspek psikologi adalah atlet berdepan dengan kebimbangan berkaitan pengurusan haid. Akhir sekali, cabaran dari aspek sosio budaya ialah tentang pantang larang yang perlu diamalkan yang mengganggu keselesaan. Walau bagaimanapun, kajian oleh Nurunnahar et al. (2025) memberi tumpuan kepada atlet remaja perempuan di Bangladesh, yang mempunyai pengalaman serta konteks persekitaran yang agak berbeza berbanding murid sekolah rendah biasa. Sebaliknya, kajian ini meneliti cabaran yang dihadapi oleh murid perempuan tahap dua dalam persekitaran sekolah kebangsaan di Malaysia. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Basit et al. (2025) ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesedaran (MHM) dalam kalangan remaja perempuan di kawasan Hoar, Bangladesh. Selain itu, kajian ini juga turut memberi tumpuan khusus untuk mengenal pasti cabaran utama yang dihadapi oleh remaja perempuan dalam menguruskan haid ketika situasi banjir serta keperluan untuk penyediaan sokongan dari pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan reka bentuk fenomenologi untuk memahami pengalaman wanita menguruskan haid semasa banjir. Data diperoleh daripada temu bual yang mendalam kepada 33 orang remaja perempuan yang tinggal disana. Hasil dapatan kajian mendapati wanita berhadapan dengan pelbagai cabaran ketika situasi banjir. Antara cabarannya ialah kekurangan kemudahan seperti air bersih, banjir juga menyebabkan mereka terpaksa berpindah ke tempat perlindungan yang tidak sesuai seperti tepi jalan, sekolah dan sebagainya yang menyukarkan pengurusan haid itu berlaku. Tambahan pula, dalam situasi banjir untuk mendapatkan produk haid seperti tuala wanita amat sukar untuk didapati yang akan turut memburukkan lagi keadaan. Kajian ini mencadangkan agar sokongan

dari pihak kerajaan yang prihatin amat diperlukan. Walau bagaimanapun, kajian oleh Basit et al. (2025) meneliti cabaran pengurusan kebersihan haid dalam kalangan remaja perempuan di kawasan yang kerap dilanda banjir di Bangladesh dengan memberi penekanan kepada situasi berkaitan bencana. Sebaliknya, kajian ini dijalankan dalam persekitaran sekolah biasa di Malaysia dan memberi fokus khusus kepada murid perempuan tahap dua di sekolah rendah.

Seterusnya, kajian oleh Sambo et al. (2024) ini mengkaji cabaran dan cara yang digunakan oleh murid perempuan dalam menguruskan haid di persekitaran sekolah. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui pemerhatian terhadap kemudahan *Water, Sanitation and Hygiene* (WASH) yang ada di sekolah dan di adakan perbincangan berkumpulan. Seramai 30 orang murid perempuan berumur 14 hingga 19 tahun dari kawasan Lusaka, Zambia yang terlibat untuk meneroka pengalaman dan cabaran yang mereka hadapi dalam pengurusan kebersihan haid. Hasil Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid perempuan menghadapi pelbagai cabaran dalam pengurusan kesihatan dan kebersihan haid di sekolah. Antara cabaran utama ialah kekurangan keselamatan di persekitaran sekolah, kemudahan untuk kebersihan tidak mencukupi, ketiadaan bekalan air bersih serta akses yang terhad kepada peralatan menghadapi tempoh haid. Selain itu, kekangan sosiobudaya turut menjadi cabaran apabila murid perempuan terpaksa menerima amalan ini walaupun mereka belum bersedia dari segi pengetahuan, emosi dan fizikal terhadap proses biologi haid. Walau Bagaimanapun, kajian Sambo et al. (2024) hanya membincangkan isu pengurusan haid dalam kalangan remaja dan kajian tersebut tidak memfokuskan murid pada peringkat awal akil baligh. Selain itu, kajiannya dilaksanakan dalam konteks Zambia, sedangkan kajian ini dalam konteks Malaysia.

Bentuk Sokongan Dalam Pengurusan Kebersihan Haid


Kajian oleh Armini et al. (2025) ini bertujuan untuk menilai kepentingan sokongan rakan sebaya dalam meningkatkan pengurusan kebersihan haid (MHM) di dalam kalangan murid perempuan dan kajian ini juga untuk menentukan sejauh mana sokongan sosial dapat mempengaruhi amalan pengurusan kebersihan haid. Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu *correlational descriptive* dengan pendekatan *cross-sectional*. Seramai 122 orang murid perempuan dari Sekolah Menengah Awam di Jawa Timur, Indonesia telah dipilih untuk menjawab soal selidik untuk mengukur tahap pengetahuan, sokongan rakan sebaya dan amalan pengurusan kebersihan haid. Hasil dapat kajian ini menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara sokongan rakan sebaya dan pengurusan kebersihan haid. Murid yang menerima sokongan sosial yang baik dari rakan sebaya akan mengamalkan kebersihan haid dengan lebih baik berbanding mereka yang kurang mendapat sokongan. Dapatan ini menunjukkan bahawa bantuan sokongan adalah faktor yang penting untuk meningkatkan pengurusan kebersihan haid dalam kalangan remaja. Walau bagaimanapun, kajian oleh Armini et al. (2025) meneliti hubungan antara sokongan rakan sebaya dan amalan pengurusan kebersihan haid dalam kalangan murid sekolah menengah melalui reka bentuk korelasi kuantitatif. Sebaliknya, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk meneroka dengan lebih mendalam jenis sokongan yang diperlukan oleh murid perempuan tahap dua di sekolah rendah.

Seterusnya, kajian oleh Kurniawati et al. (2022) ini bertujuan untuk menerangkan persepsi murid perempuan remaja mengenai sokongan maklumat dan sokongan kemudahan berkaitan pengurusan haid di persekitaran sekolah, khususnya di sekolah berasrama penuh untuk murid perempuan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu soalan deskriptif di sebuah sekolah berasrama penuh di East Java, Indonesia. Seramai 236 murid sekolah menengah rendah

sebagai peserta yang mengisi soal selidik mengenai sokongan yang mereka terima semasa haid. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak lebih 50% murid menerima maklumat berkaitan haid daripada guru. Namun, sekolah tidak menyediakan bahan pendidikan haid di tandas. Dari segi sokongan kemudahan, majoriti murid melaporkan air bersih tersedia, tetapi sabun untuk mencuci tangan tidak selalu tersedia, tempat sampah tertutup dan akses kepada tuala wanita tersedia. Walaupun sebahagian besar murid menyatakan tandas mudah dibersihkan, kira-kira 10% mengatakan sebaliknya. Kajian ini menekankan bahawa sekolah perlu menilai dan meningkatkan sokongan bagi murid yang sedang haid, dan pengetahuan guru mengenai kesihatan reproduktif menjadi perhatian utama. Walau bagaimanapun, kajian Kurniawati et al. (2022) mengkaji aspek sokongan melalui kaedah kuantitatif deskriptif, manakala kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual dengan guru, doktor dan murid bagi mendapatkan pandangan yang lebih mendalam.

Selain itu, kajian oleh Pajiri et al. (2022) ini bertujuan untuk menilai tahap pengetahuan dan amalan pengurusan kebersihan haid dalam kalangan remaja perempuan di kawasan luar bandar di Hayana. Hal yang demikian, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual (IDI) dan perbincangan berkumpulan (FGD) yang melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan seperti remaja perempuan, guru sekolah dan pegawai perubatan. Hasil dapatan kajian menunjukkan selepas IDI dan FGD, terdapat halangan dari segi akses kepada tuala wanita berkala serta kurang pendidikan berkaitan kebersihan dalam kalangan remaja perempuan. Ketidakhadiran murid kesekolah turut dikenal pasti sebagai satu kebimbangan iaitu kekurangan keperluan untuk pelupusan tuala wanita disekolah serta penyelenggaraan tandas yang tidak baik. Walaupun kajian oleh Pajiri et al. (2022) melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dalam menilai isu kebersihan haid di komuniti luar bandar, kajian tersebut lebih menyasarkan remaja perempuan secara umum dan tidak memberi tumpuan khusus kepada murid sekolah rendah. Sebaliknya, kajian ini memfokuskan kepada murid perempuan tahap dua dalam konteks sekolah rendah di Malaysia

Kerangka Konsep



Rajah 1.0 Kerangka Konsep Kajian

Metodologi

Kajian ini merupakan sebuah kajian penerokaan yang menggunakan pendekatan induktif. Menurut Stebbins (2001), kajian penerokaan boleh dibahagikan kepada beberapa bentuk iaitu: penerokaan berbentuk penyiasatan, penerokaan inovatif, penerokaan untuk penemuan, dan penerokaan terbatas. Pembinaan bentuk-bentuk penerokaan ini adalah berhubung kait dengan proses yang terlibat dalam penerokaan serta hasil akhir yang akan didapati dari kajian penerokaan yang dilakukan. Oleh kerana kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan murid perempuan tahap dua di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya terhadap amalan pengurusan kebersihan haid, mengkaji cabaran yang dihadapi oleh murid perempuan tahap dua di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya dalam mengamalkan pengurusan kebersihan haid, menganalisis bentuk sokongan yang diperlukan oleh murid perempuan tahap dua di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya bagi memperkukuh amalan pengurusan kebersihan haid. Maka, kajian ini adalah merupakan kajian penerokaan untuk penemuan berbentuk kualitatif.

Selain itu, populasi dalam kajian ini dipilih menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah temu bual. Kajian ini melibatkan lima orang informan yang dipilih bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan topik kajian. Informan yang terlibat terdiri daripada tiga orang murid sekolah beragama Islam serta dua orang individu berkepentingan yang berkaitan dengan pengurusan kebersihan haid.

Pemilihan informan dilakukan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Kaedah ini digunakan kerana informan yang dipilih mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang relevan dengan kajian berkaitan pengurusan kebersihan haid. Oleh itu, maklumat yang diperolehi daripada informan dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang isu yang dikaji. Sehubungan itu, senarai informan yang terlibat dalam kajian ini disenaraikan seperti dalam Jadual 1.0 di bawah:

Jadual 1.0 Senarai Informan

NO	JAWATAN	KOD
1	Murid SK Bestari Jaya	P1
2	Murid SK Bestari Jaya	P2
3	Murid SK Bestari Jaya	P3
4	Guru SK Bestari Jaya	P4
5	Doktor Perubatan	P5

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual sebagai salah satu instrumen pengumpulan data. Kaedah ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat secara mendalam daripada informan dan memahami pandangan mereka dalam konteks sebenar yang tidak boleh diperolehi melalui soal selidik semata-mata (Merriam, 2009). Temu bual separuh berstruktur memberi ruang kepada informan untuk berkongsi pengalaman dan pandangan secara terbuka berdasarkan kerangka soalan yang dibina. Soalan-soalan temu bual telah dibentuk selari dengan objektif kajian, soalan bagi objektif pertama ialah mengenal pasti tahap pengetahuan amalan pengurusan kebersihan haid. Kemudian, mengkaji cabaran yang dihadapi oleh murid dan juga menganalisis bentuk sokongan yang perlukan oleh pelajar. Soalan soalan ini telah disemak oleh pihak ketiga iaitu penyelia kajian, bagi memastikan kesesuaian dan ketepatannya dalam menjawab persoalan kaji.

Data yang diperolehi melalui temu bual separa berstruktur akan dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik. Kaedah ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik mengenal pasti corak dan tema yang signifikan daripada maklum balas responden berkaitan dengan amalan pengurusan kebersihan haid terhadap murid perempuan tahap dua di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya. Proses analisis ini melibatkan beberapa peringkat seperti transkripsi data temu bual, pembacaan berulang untuk memahami konteks, pengkodan awal, pengelompokan kod kepada tema utama, dan seterusnya penafsiran tema berdasarkan objektif kajian. Setiap tema yang dikenal pasti akan diteliti bagi memastikan kesahihan, kesesuaian dengan konteks penyelidikan, serta keterkaitannya dengan teori dan dapatan kajian terdahulu. Pendekatan ini turut membolehkan penyelidik mengenal pasti variasi dalam pengalaman responden dan memahami secara mendalam pendekatan amalan pengurusan kebersihan haid serta cabaran pelaksanaannya.

Dapatan Kajian

Bab ini menunjukkan hasil dapatan yang diperolehi melalui temu bual separa berstruktur kepada tiga orang murid perempuan tahap dua beragama Islam di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya, seorang guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya serta seorang doktor perubatan di Klinik Damai Kuala Selangor. Data analisis menggunakan perisian Atlas.Ti 8.0

bagi mengenalpasti tema dan subtema yang berkaitan dengan amalan pengurusan kebersihan haid dalam kalangan murid perempuan di sekolah tersebut. Hasil dapatan kajian dihurai mengikut tiga objektif utama iaitu tahap pengetahuan pelajar, cabaran yang dihadapi oleh murid serta bentuk sokongan yang diperlukan untuk mengamalkan pengurusan kebersihan haid.

Profil Demografi Informan

Jadual dibawah menunjukkan maklumat demografi informan P1 sehingga P5:

Jadual 2.0 Latar Belakang Informan Kajian

KOD	JANTINA	JAWATAN	UMUR
P1	Perempuan	Pelajar	12 Tahun
P2	Perempuan	Pelajar	12 Tahun
P3	Perempuan	Pelajar	12 Tahun
P4	Perempuan	Guru DG41	59 Tahun
P5	Perempuan	Doktor Perubatan	32 Tahun

Berdasarkan jadual 2.0 diatas, seramai lima orang informan terlibat dalam kajian yang terdiri daripada tiga orang murid perempuan tahap dua beragama Islam di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya, seorang guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya dan seorang doktor perubatan di Klinik Damai Kuala Selangor. Kesemua murid adalah berumur 12 tahun yang diketahui berada di peringkat sekolah rendah. Selain itu, seorang informan guru Pendidikan Islam yang berjawatan DG41 dan berumur 59 tahun. Manakala, seorang lagi merupakan doktor perubatan yang berumur 32 tahun. Semua informan adalah perempuan dan dipilih bagi mendapatkan maklumat berkaitan amalan pengurusan kebersihan haid dalam kalangan murid perempuan.

Tahap Pengetahuan Murid Perempuan Tahap Dua Di SK Bestari Jaya Terhadap Amalan Pengurusan Kebersihan Haid


Jadual 3.0 Tahap Pengetahuan Murid Perempuan Tahap Dua Di SK Bestari Jaya

Objektif	Tema	Subtema	INF
Tahap Pengetahuan Murid Perempuan Tahap Dua Di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya Terhadap	Pengetahuan Menjaga Kebersihan Haid	1. Pengetahuan Tentang Kebersihan Diri	P1 dan P2
		2. Pengetahuan Penggunaan Tuala Wanita	P1, P2 dan P3
		3. Pengetahuan tentang Hukum Haid	P1 dan P2
		1. Kesan Fizikal	P1

Amalan Pengurusan Kebersihan Haid.	Pengetahuan Akibat Tidak Menjaga Kebersihan	2. Gangguan Makhluk Halus	P1 dan 2
		3. Reaksi Negatif dari Orang Terdekat	P 2

Tema ini merujuk kepada tahap pengetahuan murid perempuan tahap dua mengenai amalan pengurusan kebersihan haid. Berdasarkan analisis tematik yang dijalankan, tema ini terbahagi kepada dua iaitu pengetahuan menjaga kebersihan diri dan pengetahuan akibat tidak menjaga kebersihan diri. Manakala, subtema dibahagi kepada enam iaitu pengetahuan tentang kebersihan diri, pengetahuan penggunaan tuala wanita, pengetahuan tentang hukum haid, kesan fizikal, gangguan makhluk halus dan reaksi negatif dari orang terdekat.

Rajah di bawah menunjukkan hasil temu bual informan:



Rajah 2.0 Dapatkan Temu Bual Tahap Pengetahuan Murid Perempuan Tahap Dua Mengenai Amalan Pengurusan Kebersihan Haid

Pengetahuan Menjaga Kebersihan Haid

Berdasarkan analisis temu bual yang telah dijalankan, dapatan menunjukkan bahawa murid mempunyai pengetahuan yang asas berkaitan amalan pengurusan kebersihan haid, khususnya dari aspek penjagaan diri ketika tempoh haid. Pengetahuan ini dikenal pasti melalui penerangan murid mengenai pembersihan diri, kekerapan penukaran tuala wanita serta amalan yang sepatutnya dilakukan.

Pengetahuan Tentang Kebersihan Diri

Murid menunjukkan pengetahuan berkaitan amalan pengurusan kebersihan diri semasa dan selepas haid melalui cara membersihkan darah haid. Hal ini dapat dilihat melalui penerangan informan mengenai amalan membersihkan darah haid.

Dinyatakan oleh P1:

“Tindakan awal yang saya lakukan adalah mandi untuk membersihkan darah” (1:3)

Disambung oleh P2:

“membersihkan diri dengan membas menggunakan air sehingga tiada kesan darah” (1.5)

P1 pula menambah:

“setelah merasakan darah telah kering, saya akan memotong kuku, bercukur dan melakukan mandi wajib” (1:4)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa murid mempunyai pengetahuan asas berkaitan pengurusan kebersihan diri semasa haid, khususnya dalam aspek membersihkan darah haid serta melakukan amalan tertentu sebelum mandi wajib.

Pengetahuan Penggunaan Tuala Wanita

Murid turut menunjukkan pengetahuan berkaitan penggunaan tuala wanita semasa haid, khususnya dari aspek kekerapan penukaran tuala wanita dalam tempoh sehari. Hal ini dapat dilihat melalui penerangan informan yang menjelaskan tuala wanita perlu ditukar beberapa kali sehari bagi memastikan kebersihan diri sentiasa terjaga sepanjang tempoh haid.

Dinyatakan oleh P1:

“dari segi kekerapan saya menukar tuala wanita sebanyak tiga kali sehari” (1.6)

Disambung oleh P2:

“Paling minimum, saya akan tukar tuala wanita sebanyak tiga kali sehari” (1.7)

P3 pula menambah:

“Secara purata, saya menukar tuala wanita tiga kali sehari” (1:8)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa murid mempunyai pengetahuan yang terhad mengenai kepentingan menukar tuala wanita secara berkala. Hal ini kerana penukaran tuala wanita yang betul adalah setiap empat jam sekali untuk menjaga kebersihan dan kesihatan. Namun murid hanya menukar tuala wanita apabila mereka melakukan rutin mandi harian.

Pengetahuan Tentang Hukum Haid

Murid menunjukkan pengetahuan berkaitan haid melalui kefahaman tentang maksud haid serta kaitannya dengan tanda akil baligh bagi perempuan. Kefahaman ini menunjukkan bahawa murid mempunyai pengetahuan awal tentang perubahan yang berlaku apabila seseorang perempuan mencapai peringkat kematangan.

P1 menyatakan:

“Haid ialah darah yang keluar dari faraj” (1:9)

P2 pula menyambung:

“Pada pemahaman saya, haid merupakan tanda akil baligh bagi perempuan. Hal ini kerana apabila seseorang itu sudah membesar dan matang haid akan bermula. Seperti yang saya alami ketika berada di darjah 4. Selain itu, tanda awal haid ialah keluarnya keputihan diikuti dengan darah” (1:10)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa murid mempunyai pengetahuan dari segi definisi haid serta hubungannya dengan tanda akil baligh bagi perempuan. Hal ini menggambarkan bahawa murid telah memahami perubahan fizikal yang berlaku apabila mencapai peringkat akil baligh.

Pengetahuan Akibat Tidak Menjaga Kebersihan Haid

Berdasarkan analisis temu bual yang telah dijalankan, dapatan menunjukkan bahawa murid mempunyai pengetahuan yang terhad berkaitan akibat tidak menjaga kebersihan haid, khususnya dari aspek kebersihan reproduktif. Pengetahuan ini dikenal pasti melalui penerangan murid mengenai kesan fizikal jika tidak menjaga kebersihan haid, gangguan makhluk halus dan reaksi negatif dari orang terdekat.

Kesan Fizikal

Murid menunjukkan kesedaran tentang kebersihan diri khususnya berkaitan kesan fizikal. Hal ini dapat dilihat melalui penerangan informan yang menyatakan perasaan tidak selesa apabila merasakan diri berbau semasa haid.

Dinyatakan oleh P2:

“saya berasa diri saya berbau” (1:12)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa murid mempunyai kesedaran terhadap perubahan yang berlaku pada diri semasa haid, khususnya berkaitan kebersihan diri dan bau badan.

Gangguan Makhluk Halus

Murid mempunyai pemahaman tertentu berkaitan menjaga kebersihan diri semasa haid yang berkaitan dengan kepercayaan terhadap gangguan makhluk halus sekiranya kebersihan tidak dijaga dengan baik. Hal ini dilihat melalui penerangan informan yang mengaitkan kebersihan dengan kemungkinan gangguan jin.

Disambung oleh P1:

“saya mungkin boleh diganggu oleh jin kerana jin menyukai perkara tersebut” (1:13)

Dilanjutkan oleh P2:

“Jika haid tidak dibersihkan dengan baik, jin akan suka perkara tersebut” (1:14)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa murid mempunyai pemahaman berkaitan menjaga kebersihan diri semasa haid turut dipengaruhi oleh kepercayaan tertentu.

Reaksi Negatif dari Orang Terdekat

Murid turut menunjukkan kefahaman dan kesedaran bahawa pengabaian terhadap kebersihan diri boleh menimbulkan reaksi negatif daripada ahli keluarga, khususnya ibu yang sering menekankan aspek kebersihan.

Dinyatakan oleh P2:

“menyebabkan ibu saya berasa marah kerana tidak menjaga kebersihan” (1:15)

Diteruskan lagi oleh P3:

“Ia boleh menimbulkan kemarahan ibu kerana tidak menjaga kebersihan diri” (1:16)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa murid sedar dan mengetahui pengabaian terhadap kebersihan boleh menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan orang terdekat.


Cabaran Yang Dihadapi Oleh Murid Perempuan Tahap Dua Di SK Bestari Jaya Dalam Mengamalkan Pengurusan Kebersihan Haid

Objektif	Tema	Subtema	INF
Cabaran Yang Dihadapi Oleh Murid Perempuan Tahap Dua Di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya Dalam Mengamalkan Pengurusan Kebersihan Haid.	Cabaran Dalaman	Cabaran Stigma Dan Persepsi	P1 dan P2
	Cabaran Luaran	Cabaran Infrastruktur	P1 dan P3

Jadual 4.0 Cabaran Yang Dihadapi Oleh Murid Perempuan Tahap Dua Di SK Bestari Jaya

Tema ini merujuk kepada cabaran yang dihadapi oleh murid perempuan tahap dua di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya dalam mengamalkan pengurusan kebersihan haid. Berdasarkan analisis tematik yang dijalankan, tema ini terbahagi kepada dua iaitu cabaran dalaman dan cabaran luaran. Manakala, subtema dibahagi kepada dua iaitu cabaran stigma dan persepsi serta cabaran infrastruktur

Rajah di bawah menunjukkan hasil temu bual informan:



Rajah 3.0 Dapatan Temu Bual Cabaran Yang Dihadapi Oleh Murid Perempuan Tahap Dua Di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya Dalam Mengamalkan Pengurusan Kebersihan Haid

Cabaran Dalaman

Berdasarkan analisis temu bual yang telah dijalankan, dapatan kajian menunjukkan bahawa murid turut menghadapi cabaran dalaman dalam mengamalkan pengurusan kebersihan haid. Cabaran dalaman ini merujuk kepada stigma dan persepsi diri sendiri dan orang lain. Faktor ini boleh mempengaruhi tahap keyakinan dan keselesaan murid dalam menguruskan kebersihan haid.

Cabaran Stigma dan Persepsi

Dapatan menunjukkan bahawa murid turut berdepan dengan tekanan persekitaran seperti rasa malu, stigma dan persepsi yang mempengaruhi keyakinan murid dalam mengurus kebersihan haid.

Dinyatakan oleh P1:

“saya berasa malu apabila rakan lelaki melihat keadaan saya berdiri dan rakan perempuan terpaksa membantu menutup saya dalam keadaan berdiri akibat kebocoran” (2:3)

Disambung oleh P2:

“saya berasa malu untuk pergi ke tandas dan bimbang akan menjadi bahan ejekan” (2:4)

Diteruskan lagi oleh P3:

“merasa malu untuk ke tandas kerana takut menjadi bahan ejekan oleh rakan terutamanya ketika ramai murid lain menunggu giliran tandas kerana mencuci tuala wanita mengambil masa yang lama” (2:5)

Faktor sosial seperti rasa malu, stigma dan persepsi rakan sebaya memberi tekanan kepada murid dalam menguruskan haid secara terbuka dan yakin. Hal ini membuktikan bahawa norma sosial di sekolah masih mempengaruhi tahap keselesaan murid perempuan dalam menguruskan kebersihan haid.

Cabaran Luaran

Dapatan kajian ini menunjukkan terhadap cabaran luaran yang dihadapi oleh murid dalam mengamalkan pengurusan kebersihan haid. Cabaran luaran ini merujuk kepada persekitaran yang berada di dalam dan luar dari bilik darjah di mana ia melibatkan infrastruktur. Kekurangan infrastruktur yang disediakan di sekolah boleh memberi kesan kepada keupayaan murid dalam menguruskan kebersihan haid.

Cabaran Infrastruktur/Kemudahan

Sebahagian murid berhadapan dengan cabaran dari aspek infrastruktur di sekolah yang kurang selesa untuk pengurusan kebersihan haid. Kekurangan ini melibatkan aspek kebersihan tandas, ketiadaan kelengkapan produk haid dan kemudahan pelupusan khas yang sepatutnya. Dinyatakan oleh P1:

“gangguan bekalan air di sekolah turut menjadi cabaran kepada saya untuk membersihkan tuala wanita” (2:7)

Disambung oleh P3:

“ketiadaan kelengkapan seperti sabun, pad dan sebagainya yang akan membuatkan saya tidak selesa untuk menukar tuala wanita” (2:9)

Diteruskan lagi oleh P1:

“tong sampah tersebut diletakkan di luar tandas” (2:8)

Kekurangan kemudahan seperti air, sabun dan tong pelupusan khas memberi kesan langsung terhadap konsistensi amalan pengurusan kebersihan haid dalam kalangan pelajar. Keadaan ini menunjukkan bahawa faktor infrastruktur memainkan peranan yang penting dalam memperkukuh amalan pengurusan kebersihan yang efektif.


Bentuk Sokongan Yang Diperlukan Oleh Murid Perempuan Tahap Dua Di SK Bestari Jaya Bagi Memperkukuh Amalan Pengurusan Kebersihan Haid

Objektif	Tema	Subtema	INF
Bentuk Sokongan Yang Diperlukan Oleh Murid Perempuan Tahap Dua Di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya Bagi Memperkukuh Amalan Pengurusan Kebersihan Haid.	Sokongan Keluarga	Ibu	P1 dan P3
		Kakak	P3
	Sokongan Institusi	Sekolah	P4
		Klinik Kesihatan	P5
	Sokongan Pihak Luar	Penceramah Jemputan	P4
		Syarikat Swasta	P4
	Sokongan Kemudahan	Penyediaan Tuala Wanita	P4
		Tong Pelupusan Khas	P4 dan P5

Jadual 5.0 Bentuk Sokongan Yang Diperlukan Oleh Murid Perempuan SK Bestari Jaya

Tema ketiga merujuk kepada bentuk sokongan yang diperlukan bagi membantu murid menguruskan kebersihan haid dengan lebih baik. Tema ini dibahagikan kepada empat tema iaitu sokongan keluarga, sokongan institusi, sokongan pihak luar, sokongan kemudahan. Manakala subtema terbahagi kepada lapan iaitu ibu, kakak, sekolah, klinik kesihatan, penceramah jemputan, syarikat swasta, penyediaan tuala wanita dan tong pelupusan tuala wanita.

Rajah di bawah menunjukkan hasil temu bual informan:



Rajah 4.0 Dapatan Temu Bual Bentuk Sokongan Yang Diperlukan Bagi Membantu Murid Menguruskan Kebersihan Haid

Sokongan Keluarga

Berdasarkan analisis temu bual yang telah dijalankan, dapatan kajian menunjukkan bahawa ahli keluarga memainkan peranan penting dalam membantu murid menguruskan kebersihan diri semasa haid. Sokongan ini banyak diberikan oleh ibu dan kakak yang menjadi rujukan utama murid untuk mendapatkan maklumat berkaitan pengurusan kebersihan haid.

Ibu

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa ibu menjadi individu terdekat yang memberi panduan kepada murid berkaitan pengurusan kebersihan haid, ibu membantu menjelaskan cara menjaga kebersihan diri serta perkara yang perlu dilakukan semasa haid.

Dinyatakan oleh P1:

“saya masih kurang pasti tentang caranya dan memerlukan bimbingan ibu supaya tidak melakukan kesilapan” (3:5)

Disambung lagi oleh P1:

“Saya akan melakukan mandi wajib dengan bantuan ibu saya” (3:5)

Ditambah oleh P3:

“Selepas darah berhenti, saya mandi wajib dengan ibu kerana saya belum cukup yakin melakukannya sendiri dan takut melakukan kesilapan” (3:6)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa ibu memainkan peranan penting sebagai sumber rujukan utama murid dalam memahami tentang pengurusan kebersihan haid di rumah

Kakak

Selain ibu, sosok seorang kakak juga menjadi tempat rujukan bagi murid untuk mendapatkan maklumat berkaitan pengurusan kebersihan haid, perkongsian pengalaman nyata oleh kakak membantu murid memahami cara menguruskan haid dengan baik.

Dinyatakan oleh P3:

“saya juga melihat bagaimana kakak saya melakukan pembersihan ketika haid dan saya mengikut apa yang dilakukan” (3:8)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa kakak turut berperanan dalam memberi sokongan dan panduan kepada murid berkaitan pengurusan kebersihan diri semasa haid.

Sokongan Institusi

Selain dari sokongan keluarga, institusi seperti sekolah dan klinik kesihatan turut berperanan dalam memberikan pendedahan kepada murid berkaitan pengurusan kebersihan haid. Melalui penerangan dari guru serta campur tangan dari pihak klinik kesihatan, murid dapat memahami dengan lebih jelas tentang penjagaan diri dan kebersihan diri semasa haid.

Sekolah

Dapatan menunjukkan bahawa pihak sekolah turut memberi sokongan kepada murid melalui penganjuran program-program berkaitan pengurusan kebersihan haid. Program-program ini dilaksanakan dalam pelbagai bentuk seperti ceramah, program amali dan sebagainya. Natiujahnya, program ini akan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pengurusan kebersihan haid.

Dinyatakan oleh P4:

“pihak sekolah turut menyediakan program untuk memberi penerangan kepada murid berkaitan penjagaan kebersihan haid dalam bentuk ceramah” (3:40)

Ditambah lagi oleh P4:

“Program yang sesuai ialah program yang dijalankan bersama unit kaunseling kerana terdapat elemen kekemasan diri” (3:34)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa sekolah juga berperanan dalam memberikan pendedahan kepada murid berkaitan pengurusan kebersihan haid melalui pelaksanaan program kesedaran di sekolah

Klinik Kesihatan

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa klinik kesihatan juga memainkan peranan penting dalam memberi pendedahan kepada remaja berkaitan kesihatan reproduktif dan pengurusan kebersihan haid melalui program pendidikan kesihatan yang dijalankan oleh agensi berkaitan. Dinyatakan oleh P5:

“agensi yang bertanggungjawab biasanya di bawah Kementerian Kesihatan yang menyediakan pendidikan kesihatan remaja”(3:12)

Ditambah lagi oleh P5:

“Manakala, pelupusan sisa pepejal berada dibawah Kementerian Alam Sekitar yang memastikan sisa tuala wanita dibuang dengan selamat” (3:13)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa agensi kesihatan turut perlu menyumbang dalam memberikan pendidikan berkaitan pengurusan kebersihan haid serta memastikan aspek pelupusan sisa diuruskan dengan selamat.

Sokongan Pihak Luar

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sokongan dari pihak luar seperti penceramah jemputan dan syarikat swasta turut memberi impak untuk meningkatkan kesedaran murid berkaitan pengurusan kebersihan haid. Program ceramah atau perkongsian yang dianjurkan turut memberi peluang kepada murid untuk memperoleh maklumat tambahan mengenai kebersihan diri semasa haid.

Penceramah Jemputan

Pelaksanaan program kesedaran dan pendidikan kesihatan reproduktif di sekolah menjadi punca utama dalam meningkatkan kefahaman murid tentang pengurusan kebersihan haid secara lebih bersistematik

Dinyatakan oleh P4:

“melalui program ini, penceramah luar akan menunjukkan cara penggunaan tuala wanita dengan betul” (3:17)

Ditambah pula oleh P4:

“penceramah akan menerangkan melalui slaid tentang kitaran, pemakanan, tempoh haid dan cara penjagaan kebersihan” (3:18)

Pelaksanaan program kesedaran seperti ceramah mampu memperkukuh pengetahuan murid secara lebih formal. Program berstruktur ini berpotensi menambah kefahaman yang tepat serta dapat mengurangkan salah faham berkaitan pengurusan kebersihan haid.

Syarikat Swasta

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa pihak sekolah turut menerima sokongan daripada syarikat swasta dalam melaksanakan program berkaitan pengurusan kebersihan haid.

Kerjasama ini dijalankan bersama agensi kesihatan bagi memberi pendedahan melalui program yang di anjurkan di sekolah. Malah, pihak syarikat swasta ini turut memberikan sokongan kepada murid yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan produk haid. Dinyatakan oleh P4:

“Pihak sekolah pernah bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersama syarikat swasta seperti libresse, kotex dan sebagainya” (3:19)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa penglibatan syarikat swasta turut membantu dalam menyokong pelaksanaan program kesedaran berkaitan pengurusan kebersihan haid secara lebih meluas.

Sokongan Infrastruktur/Kemudahan

Selain itu, penyediaan kemudahan yang sesuai turut menjadi salah satu bentuk sokongan kepada murid dalam menguruskan kebersihan haid di sekolah. Antaranya termasuk penyediaan tuala wanita serta tong pelupusan khas yang memudahkan murid menukar dan membuang tuala wanita dengan bersih dan selamat. Kemudahan ini membantu murid menguruskan kebersihan diri dengan lebih selesa semasa berada di persekitaran sekolah. Penyediaan kemudahan yang baik, lengkap dan mesra murid merupakan faktor utama dalam menyokong dan memperkukuh amalan kebersihan haid secara konsisten di sekolah.

Penyediaan Tuala Wanita

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa penyediaan keperluan asas seperti tuala wanita di sekolah adalah penting bagi membantu dalam pengurusan kebersihan haid, khususnya apabila berlakunya situasi yang tidak dijangka. Kemudahan ini membolehkan murid mendapatkan keperluan segera sekiranya haid berlaku ketika berada di sekolah.

Dinyatakan oleh P4:

“keperluan lain seperti tuala wanita dan persalinan pakaian” (3:24)

Ditambah lagi P4:

“penyediaan persalinan dan tuala wanita di sekolah adalah sangat penting bagi situasi kecemasan” (3:25)

Kemudahan yang lengkap seperti persalinan dan tuala wanita merupakan elemen asas dalam memastikan pengurusan kebersihan haid yang selamat dan bermaruah. Sokongan ini akan membantu murid mengamalkan kebersihan tanpa rasa bimbang atau tidak selesa

Tong Pelupusan Khas

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa penyediaan tong pelupusan khas turut menjadi keperluan dalam membantu murid menguruskan sisa tuala wanita dengan lebih selesa dan bersih ketika berada di sekolah. Kekurangan tong sampah di dalam setiap kubikel menyebabkan murid terpaksa membawa sisa tuala wanita keluar dari tandas untuk dibuang.

Dinyatakan oleh P4:

“bentuk sokongan yang diperlukan ialah penyediaan peralatan kebersihan khususnya tong sampah khas” (3:26)

Ditambah lagi oleh P4:

“di dalam setiap kubikul sepatutnya ada tong sampah. Namun begitu, pada masa ini hanya ada terdapat satu tong sampah di bahagian luar tandas dan menyebabkan murid terpaksa membawa sisa tersebut keluar” (3:27)

Penyediaan tong pelupusan khas yang dikenali sebagai “*sanitary bin*” merupakan elemen yang diperlukan untuk mengurangkan risiko jangkitan serta memudahkan setiap murid untuk mengamalkan pengurusan kebersihan haid tanpa halangan.

Analisis Dan Perbincangan

Bab ini membincangkan dapatan kajian yang telah diperolehi dalam bab sebelum ini berdasarkan tiga objektif utama kajian iaitu mengenal pasti tahap pengetahuan murid perempuan tahap dua di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya terhadap amalan pengurusan kebersihan haid, mengkaji cabaran yang dihadapi dan menganalisis bentuk sokongan yang diperlukan bagi memperkukuhkan amalan pengurusan kebersihan haid.

Tahap Pengetahuan Murid Perempuan Tahap Dua Di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya Terhadap Amalan Pengurusan Kebersihan Haid

Tahap pengetahuan murid perempuan tahap dua di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya terhadap amalan pengurusan kebersihan haid terbahagi kepada dua tema utama, iaitu pengetahuan tentang penjagaan kebersihan haid dan pengetahuan tentang akibat tidak menjaga kebersihan haid. Dapatan menunjukkan murid mempunyai pengetahuan asas berkaitan pengurusan kebersihan diri, penggunaan toilet wanita dan hukum berkaitan haid. Dari aspek akibat tidak menjaga kebersihan haid, murid mengetahui kesan fizikal yang dialami sekiranya kebersihan tidak dijaga dengan baik. Selain itu, terdapat juga kepercayaan yang unik dalam kalangan murid tentang kewujudan makhluk halus serta kebimbangan terhadap stigma negatif daripada orang terdekat sekiranya mereka tidak menjaga kebersihan haid.

Walau bagaimanapun, tahap pengetahuan murid masih terhad disebabkan oleh faktor kurang pendedahan serta pendidikan yang sistematik berkaitan dengan pengurusan kebersihan haid. Selain itu, murid masih tidak mampu untuk menerangkan tentang hubungan antara pengurusan kebersihan haid dengan kesihatan reproduktif. Ini menunjukkan bahawa murid hanya mempunyai pengetahuan yang asas berkaitan pengurusan kebersihan haid.

Cabaran Yang Dihadapi Oleh Murid Perempuan Tahap Dua Di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya Dalam Mengamalkan Pengurusan Kebersihan Haid

Seterusnya ialah mengenai cabaran yang dihadapi oleh murid perempuan tahap dua di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya dalam mengamalkan pengurusan kebersihan haid ini terbahagi kepada dua tema utama, iaitu cabaran dalaman dan cabaran luaran.

Bagi tema cabaran dalaman, dapatan menunjukkan bahawa murid berdepan dengan stigma dan persepsi negatif berkaitan haid. Manakala bagi tema cabaran luaran, dapatan menunjukkan bahawa faktor infrastruktur seperti kemudahan tandas, tahap kebersihan persekitaran dan kemudahan pelupusan tuala wanita menjadi halangan kepada murid untuk mengamalkan pengurusan kebersihan haid secara optimum.

Walau bagaimanapun, dapatan ini menunjukkan bahawa cabaran yang dihadapi bukan semata-mata berpunca daripada kelemahan individu pelajar. Tetapi turut dipengaruhi oleh faktor persekitaran sosial dan fizikal. Stigma yang berterusan boleh mewujudkan tekanan dan menghalang murid daripada mendapatkan maklumat yang tepat dalam mengamalkan pengurusan kebersihan. Manakala kekurangan infrastruktur pula boleh menyebabkan jurang antara pengetahuan dan amalan sebenar.

Bentuk Sokongan Yang Diperlukan Oleh Murid Perempuan Tahap Dua Di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya Bagi Memperkukuh Amalan Pengurusan Kebersihan Haid

Akhir sekali ialah berkaitan bentuk sokongan yang diperlukan oleh murid perempuan tahap dua di Sekolah Kebangsaan Bestari Jaya bagi memperkukuh amalan pengurusan kebersihan haid terbahagi kepada empat tema, iaitu sokongan keluarga, sokongan institusi, sokongan pihak luar dan sokongan kemudahan.

Dapatan sokongan keluarga menunjukkan bahawa ibu dan kakak merupakan individu terdekat yang menjadi sumber rujukan utama murid dalam memahami serta menguruskan kebersihan haid. Bagi tema sokongan institusi, sekolah dan klinik kesihatan dikenal pasti sebagai pihak yang berperanan dalam menyediakan pendidikan kesihatan dan maklumat yang lebih sistematik. Selain itu, bagi tema sokongan pihak luar iaitu penceramah jemputan dan syarikat swasta turut dilihat berpotensi menyumbang melalui program kesedaran serta sumbangan produk kebersihan haid. Bagi tema sokongan kemudahan, penyediaan tuala wanita dan tong pelupusan yang sesuai di sekolah dikenal pasti sebagai keperluan asas bagi memastikan murid dapat mengamalkan kebersihan haid dengan lebih selesa dan konsisten. Walau bagaimanapun, dapatan ini menunjukkan bahawa sokongan yang diperlukan tidak boleh bergantung kepada satu pihak sahaja.

Walaupun keluarga menjadi sumber sokongan awal, keberkesanan amalan pengurusan kebersihan haid bergantung kepada keluarga, sekolah, pihak kesihatan dan penyedia kemudahan. Sekiranya salah satu komponen ini tidak berfungsi dengan baik, ia boleh mewujudkan jurang antara pengetahuan, sikap dan amalan sebenar pelajar. Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan yang lebih holistik dan bersepadu amat diperlukan bagi memastikan sokongan yang diberikan benar-benar menyeluruh dan berkesan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa murid mempunyai tahap pengetahuan yang masih terhad berkaitan pengurusan kebersihan haid khususnya dalam aspek kesihatan reproduktif. Selain itu, murid turut berhadapan dengan pelbagai cabaran yang melibatkan faktor infrastruktur dan emosi yang secara langsung mempengaruhi amalan kebersihan haid di sekolah. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa sokongan guru, pelaksanaan program kesedaran yang berstruktur serta penyediaan kemudahan yang mencukupi memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan keupayaan murid dalam menguruskan kebersihan haid

dengan lebih baik. Justeru, pendidikan yang lebih sistematik serta sokongan persekitaran yang kondusif amat diperlukan bagi memperkukuhkan amalan pengurusan kebersihan haid dalam kalangan murid sekolah rendah secara berterusan dan berkesan.

Penghargaan: Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Selangor atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.

**Penyataan
Pembiayaan:** Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.

**Pernyataan Konflik
Kepentingan:** Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Modern Education (IJMOE)

Pernyataan Etika: Kajian ini telah dijalankan selaras dengan prinsip etika penyelidikan. Semua prosedur yang melibatkan responden manusia telah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Selangor (UNISEL). No Rujukan: UNISEL/FPSS/KP/2/2025(55)(JPI)-32534. Persetujuan bermaklumat (*informed consent*) telah diperoleh daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyertaan adalah secara sukarela, dan kerahsiaan serta anonimitas responden dipelihara. Semua data yang dikumpulkan digunakan semata-mata bagi tujuan akademik dan penyelidikan.

**Pernyataan
Sumbangan Penulis:** Semua penulis telah memberikan sumbangan yang signifikan terhadap penyediaan manuskrip ini. Nurul Amiera Izzani Abdul Rahman bertanggungjawab terhadap pengkonsepan kajian, pembangunan metodologi serta penyeliaan keseluruhan penyelidikan. Hidayatul Sakinah Mohd Zulkifli mengendalikan proses pengumpulan data, analisis dan tafsiran dapatan kajian. Nurul Husna Roslan menyumbang kepada penyediaan sorotan literatur, penulisan draf awal manuskrip serta semakan kritikal terhadap kandungannya. Semua penulis telah membaca, menyemak dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum diserahkan untuk penerbitan.

Rujukan

- Ahmad, N., Abdul Majid, L., Nazri, M. A., Ahmad, S., Saparudin, I. F., & Syed Abu Bakar, S. K. (2023). Menstrual hygiene management practices according to al-Quran and al-Sunnah. *Journal of Quranic Sciences and Research*, 3(2). doi:10.30880/jqsr.2022.03.02.004
- Ahmed, T., Hasan, M. K., Aunto, T. K., Ahmed, T., & Zahid, D. (2025). Menstrual hygiene knowledge and practices among adolescent schoolgirls in flood-affected rural Bangladesh. *Reproductive Health*, 22(1). doi:10.1186/s12978-025-02041-x
- Alam, M. U., Luby, S. P., Halder, A. K., Islam, K., Opel, A., Shoab, A. K., & Unicom, L. (2017). Menstrual hygiene management among Bangladeshi adolescent schoolgirls and risk factors affecting school absence: Results from a cross-sectional survey. *BMJ Open*, 7(7). doi:10.1136/bmjopen-2016-015508
- Basit, A., Antu, O. S., Mithun, M., & Islam, M. S. (2025). Navigating the currents: Understanding awareness, attitudes, and menstrual hygiene management challenges in Bangladesh's haor region. *Journal of Biosocial Science*. doi:10.1017/S0021932024000415
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan* (4th ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kaur, R., Kaur, K., & Kaur, R. (2018). Menstrual hygiene, management, and waste disposal: Practices and challenges faced by girls/women of developing countries. *Journal of Environmental and Public Health*. doi:10.1155/2018/1730964
- Ketut, N., Armini, A., Setyani, A., Nastiti, A. A., & Triharini, M. (2023). Knowledge and peer support for increase menstrual hygiene management (MHM) in adolescents. *Healthcare in Low-Resource Settings*, 11(s1). doi:10.4081/hls.2023.11193
- Khalid, S. A., Abdul Kadir, A. R., & Ahmad, N. A. (2022). Knowledge on menstrual and istihadhah among Islamic teachers from selected Islamic school in Sarawak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(46), 452–478. doi:10.35631/ijepc.746035
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. Jossey-Bass.
- Nabwera, H. M., Shah, V., Neville, R., Sosseh, F., Saidykhan, M., Faal, F., ... Torondel, B. (2021). Menstrual hygiene management practices and associated health outcomes among school-going adolescents in rural Gambia. *PLoS ONE*, 16(2). doi:10.1371/journal.pone.0247554
- Nurunnahar, S., Akter, N., Jahan, F., Haque, R., Hennegan, J., & Mahfuz, M. T. (2025). Taking menstruation health and hygiene seriously: A qualitative exploration of the challenges and facility requirements of female adolescent athletes in Bangladesh. *BMC Women's Health*, 25(1). doi:10.1186/s12905-025-03800-5
- Parija, P. P., Sharma, N., Salve, H. R., Kumar, R., Yadav, K., & Mandal, S. (2022). A qualitative study regarding menstrual hygiene in a rural community of Haryana, India. *Journal of Tropical Pediatrics*, 68(6). doi:10.1093/tropej/fmac083
- Salim, S. (2023, June 21). Banteras kemiskinan haid perlu penglibatan semua. *Malaysiakini*. Retrieved from <https://m.malaysiakini.com/news/669380>
- Shumie, Z. S., & Mengie, Z. A. (2022). Menstrual hygiene management knowledge, practice and associated factors among school girls, Northeast Ethiopia. *PLoS ONE*, 17(7). doi:10.1371/journal.pone.0271275
- Siti Asmah Khalid, Abdul Razak Abdul Kadir, & Nurul Azhar Ahmad. (2024). Pengetahuan berkaitan haid dan istihadhah di kalangan guru Islam di sekolah kebangsaan agama

- terpilih di Sarawak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(46).
- Stebbins, R. A. (2001). *Exploratory research in social sciences*. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Stoilova, D., Cai, R., Aguilar-Gomez, S., Batzer, N. H., Nyanza, E. C., & Benshaul-Tolonen, A. (2022). Biological, material, and socio-cultural constraints to effective menstrual hygiene management among secondary school students in Tanzania. *PLOS Global Public Health*, 2(3). doi:10.1371/journal.pgph.0000110
- United Nations Children's Fund (UNICEF). (2019). *Guidance on menstrual health and hygiene*. New York: United Nations Plaza.
- Wahbah al-Zuhayli. (2004). *Al-fiqh al-Islam wa adillatuh* (4th ed.). Beirut: Dar al-Fikr al-Maasir.
- Yadav, R. N., Joshi, S., Poudel, R., & Pandeya, P. (2018). Knowledge, attitude, and practice on menstrual hygiene management among school adolescents. *Journal of Nepal Health Research Council*, 15(3), 212–216. doi:10.3126/jnhrc.v15i3.18842
- Zamri, N. B., & Raheema, C. C. Z. (2021). Knowledge and practices of menstrual hygiene among nursing students in IIUM Kuantan. *Scholars Journal of Applied Medical Sciences*, 9(9), 1411–1417. doi:10.36347/sjams.2021.v09i09.018